



## KENYATAAN SEBUT HARGA

### JABATAN LANDSKAP NEGARA KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

Sebut harga ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor tempatan yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia Di Negeri Selangor/Kementerian Kewangan** dalam gred, kategori, pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan serta bertaraf Bumiputera dan masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja berikut :

PEJABAT YANG MEMANGGIL SEBUT HARGA	TAJUK PROJEK	TARAF	KELAS, KEPALA & SUB-KEPALA	TEMPAT & TARIKH DOKUMEN SEBUT HARGA DIPEROLEHI	TEMPAT, TARIKH DAN MASA SEBUT HARGA DITUTUP
Jabatan Landskap Negara, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tingkat 7, Plaza Permata-IGB, Jalan Kampar Off Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.	<b>No. Sebutharga : JLN/SH/04/2017</b>  <b>Tajuk Projek : Meletakkan Tanaman Berpasu dan Membina Mercu Tanda Traktor di Kawasan Jalan Klang-Teluk Intan, Tanjung Karang, MD Kuala Selangor</b>	Bumiputera  Syarikat 100% milik tempatan	Berdaftar dengan CIDB - Gred G2, Kategori CE14 dan CE21	Jabatan Landskap Negara, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tingkat 15, Plaza Permata-IGB, Jalan Kampar Off Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.  <b>Tarikh : 2 Oktober 2017 (Isnin)</b>  <b>Waktu: Waktu pejabat (Jualan bermula selepas taklimat dan lawatan tapak)</b>  <b>Harga : Percuma</b>	Jabatan Landskap Negara, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tingkat 15, Plaza Permata-IGB, Jalan Kampar Off Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.  <b>Tarikh : 10 Oktober 2017 (Selasa)</b>  <b>Waktu: Jam 12.00 Tengahari</b>
<p><b>TAKLIMAT SEBUT HARGA DAN LAWATAN TAPAK ADALAH DIWAJIBKAN</b> Tempat Dan Tarikh Melapor Diri Bagi Taklimat Dan Lawatan Tapak : <b>2 Oktober 2017 (Isnin) jam 9.00 pagi di Bilik Mesyuarat, Majlis Daerah Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan</b></p> <p><b>PERINGATAN : Sebut harga ini mensyaratkan bahawa hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontrak (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang boleh menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak, wakil adalah TIDAK dibenarkan. Sila bawa bersama SIJIL ASAL dan Salinan Pendaftaran PPK, CIDB atau Sijil Aduan Pendaftaran Kementerian Kewangan semasa taklimat dan lawatan tapak.</b></p> <p><b>SILA BAWA COP BERALAMAT UNTUK MEMUDAHKAN URUSAN PENDAFTARAN SEMASA TAKLIMAT TAPAK DIJALANKAN</b></p>					

Dokumen Sebut Harga ini boleh didapati di **Jabatan Landskap Negara** pada waktu pejabat mulai **2 Oktober 2017** selepas lawatan tapak. Manakala Dokumen Meja Sebut Harga boleh disemak di alamat yang sama pada waktu pejabat.

Taklimat dan Lawatan Tapak akan diadakan pada **2 Oktober 2017 jam 9.00 Pagi** di **Majlis Daerah Kuala Selangor**. Kehadiran adalah **diwajibkan** dan hanya **dua (2) orang wakil** bagi setiap kontraktor sahaja dibenarkan masuk ke dalam bilik taklimat.

**Sijil Pendaftaran** dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** yang **asal** dan masih sah hendaklah **ditunjukkan semasa mendapatkan dokumen Sebut Harga** dan **salinan fotostat** hendaklah dikemukakan untuk simpanan Jabatan. **Dokumen Sebut Harga tidak akan diberikan kepada mereka yang gagal mengemukakan sijil tersebut dan tidak menghadiri taklimat/lawatan tapak pada 2 Oktober 2017.**

Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditandakan dengan Tajuk dan Nombor Sebut Harga di atas sampul surat. Dokumen ini hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di **Jabatan Landskap Negara, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tingkat 15, Plaza Permata-IGB, Jalan Kampar Off Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur pada atau sebelum jam 12.00 tengah hari pada 10 Oktober 2017 (Selasa)**. Jabatan Landskap Negara tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan atau kehilangan dokumen Sebut Harga yang dikemukakan melalui pos. Jabatan Landskap Negara juga tidak terikat untuk menerima tawaran rendah atau mana-mana tawaran.

Iklan juga dipamerkan di papan kenyataan awam Pejabat Majlis Daerah Kuala Selangor, Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan dan laman web Jabatan Landskap Negara.